

▶ 6,200 GRADUAN

UPM

▶ 457 IJAZAH

Doktor Falsafah (PhD)

▶ 1,895 IJAZAH

Sarjana



▶ 3,477 IJAZAH

Sarjana Muda

▶ 371 DIPLOMA

**Graduan gembira** selepas menerima ijazah pada majlis Konvokesyen ke-49 Universiti Teknologi Malaysia di UTM, Skudai.

[ HAIRUL ANUAR ABD RAHIM/ BH ]



# 'Jangan mudah terpengaruh'

» Sultan Selangor ingatkan graduan tidak terjebak gejala negatif



Oleh **Muhd Amirul Faiz Ahmad, Nor Fariza Ramlan, Mohd Fahmi Mohd Yusof dan Illyana Mohd Nor**  
 bhnews@bharian.com.my

▀ **Serdang**

**G**raduan diminta tidak mudah terpengaruh dengan tuntutan kebebasan bersuara terutama membabitkan golongan yang mementingkan ideologi politik walaupun masih boleh mengikuti perkembangan politik semasa.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang juga Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) bertitah ia bagi mengelakkan penuntut dan graduan tidak terjebak dengan gejala negatif seperti politik kepartian dalam kampus.

“Graduan tidak boleh mengabaikan tujuan asal menimba ilmu dan supaya lebih matang dalam menangani apa juga permasalahan yang berlaku di sekeliling mereka.

**Julang nilai murni**

“Ilmu yang dipelajari di universiti perlu dijadikan panduan supaya mereka tidak mengorbankan nilai murni yang menjadi teras masyarakat Malaysia,” titahnya dalam Majlis Konvokesyen UPM ke-36, di sini, semalam.

Baginda juga menyeru semua penuntut universiti supaya tidak membabitkan diri dalam demonstrasi jalanan yang tidak sesuai dengan budaya masyarakat selain mengundang pelbagai masalah.

“Beta bimbang gejala itu boleh

“*Ini adalah satu tanda rasa kasih sayang saya pada keluarga dan mereka yang membuatkan saya terus kuat berusaha. Saya perlu menjadi contoh kepada empat adik dan berharap kami semua dapat mengubah kehidupan supaya lebih baik pada masa depan”*

**Nurdiana Kaswadi,**  
 Graduan Ijazah Pengajian Pendidikan,  
 UPM yang memperoleh CGPA 3.85



memberi risiko kepada pelajar dikenakan tindakan undang-undang dan menghampakan harapan keluarga yang ingin melihat mereka berjaya.

“Mereka yang terbabit dalam demonstrasi jalanan bukan saja melanggar undang-undang kerana merosakkan harta benda awam malah berani mencederakan anggota keselamatan,” titah baginda.

**Inisiatif laksana inovasi**

Di Skudai, Johor, Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah, bertitah graduan digalakkan melanjutkan pengajian ke peringkat pasca siswazah atau ijazah lanjutan selepas memperoleh sarjana muda.

Mereka juga perlu mempunyai inisiatif melakukan inovasi serta kreatif menghadapi persekitaran ekonomi global.

Baginda turut mengingatkan graduan supaya menyesuaikan diri antara keperluan berkerjaya dengan hidup berkeluarga dan bermasyarakat.

“Graduan perlu menonjolkan personaliti yang baik, ketrampilan peribadi dan akhlak mulia. Saya suka mengingatkan graduan bahawa menuntut ilmu adalah suatu usaha berterusan.

“Pada kesempatan ini, saya menyeru graduan UTM supaya menyambung pengajian ke peringkat pasca siswazah atau ijazah lanjutan. Dalam masyarakat maju dan moden, budaya pembelajaran sepanjang hayat haruslah dipraktikkan, sama ada secara formal atau tidak,” titahnya pada sesi pertama Majlis Konvokesyen ke-49 UTM, di sini, semalam sebelum berkenan menyampaikan ijazah dan anugerah khas kepada



**Canselor UMP, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah** selepas mengurniakan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff (dua dari kanan) dan pelantikan Pro-Canselor pertama UMP kepada Pengarah Eksekutif DRB-HICOM, Datuk Seri Mohd Khamil Jamil (kiri) pada majlis Konvokesyen Ke 7 di Gambang.  
[ FOTO HALIM MAT ALI/ BH ]



“  
Bulan depan saya akan melanjutkan pengajian terus ke Doktor Falsafah (PhD) kerana mahu mengejar cita-cita menjadi pensyarah”

**Norshafikah Asyilla Nordin,**  
Penerima Anugerah Pendidikan Diraja, Universiti Malaysia Sarawak

“  
Saya akan meneruskan kajian dalam bidang aturan elemen DNA menggunakan kaedah pengkomputeran menggunakan monyet Belanda sebagai subjek, hasil kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Institut Genom Malaysia (IGM)”

**Fong Pui Kwan**  
Pelajar Terbaik Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, UNIMAS

penerima pada sesi berkenaan.

Seramai 5,304 graduan UTM menerima pelbagai anugerah memabitkan 116 ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana (986), Ijazah Sarjana Muda (3,501) dan Diploma (701). Daripada jumlah itu, 481 adalah graduan antarabangsa dari 30 buah negara.

#### **UNIMAS dikagumi**

Sementara itu, di Kota Samarahan, Sarawak, Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Khairudin Ab Hamid, berkata seramai 200 penuntut asing dari 20 negara di universiti itu membuktikan ia semakin dikenali di peringkat antarabangsa.

Impak kedatangan penuntut asing terbabit membawa kepada perubahan dari segi suasana pergaulan menerusi pertembungan budaya berlainan.

Katanya, seiring dengan itu,

sesi kemasukan penuntut bagi sesi 2012/2013 meningkat seramai 4,142 berbanding sesi lalu, 3,436 penuntut.

“Kedudukan UNIMAS di peringkat Asia yang melonjak dari kedudukan 190 kepada 160 pada tahun ini adalah manifestasi jelas sudah sebaris dengan universiti terkenal tempatan dan di rantau Asia.

“Kejayaan UNIMAS tidak hanya terhad kepada pengiktirafan ranking semata-mata, malah UNIMAS pernah dinobatkan juara dalam Novel Research dan Innovation Competition tahun ini,” katanya berucap pada Konvokesyen Ke-16 UNIMAS, di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA), di sini, semalam.

Seramai 1,870 graduan menerima ijazah masing-masing yang disampaikan oleh Canselornya yang juga Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Datuk Patingi Abang Muhammad Salahuddin.



**Mohd Uzair** menerima **ciuman tahniah** daripada **ibu Rohani Ithman dan Jaafar Ismail**

[ FOTO NURUL SHAFINA JEMENON/ BH ]

# Tamat pengajian selepas 10 tahun

**Atlit** lompat galah negara, Roslinda Samsu, 30, adalah antara graduan yang menerima ijazah pada Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-36 semalam.

Roslinda yang mewakili negara dalam Olimpik di Beijing, China pada 2008 menerima Ijazah Pendidikan Jasmani.

“Perasaan gembira tidak terkata kerana selepas 10 tahun, akhirnya saya berjaya menamatkan pengajian ini dengan jayanya.

“Selama hampir 12 semester saya cuba harungi, ditambah dengan jadual latihan sukan yang padat, kejayaan ini juga adalah hasil dorongan keluarga dan universiti,” katanya yang berasal dari Kuala Nerang, Kedah.

Katanya, beliau tetap bersemangat untuk menghabiskan pengajian walaupun dalam tempoh panjang selepas mendaftar di UPM pada 2002 kerana menyedari kepentingan pendidikan walaupun bergelar atlit negara.

“Saya percaya seorang atlit juga perlu mempersiapkan diri bukan saja dari segi fizikal malah kebolehan mental dan saya merancang untuk menceburkan diri sebagai jurulatih selepas ini,” katanya.

## Cacat bukan halangan

Kekurangan dari segi fizikal tidak menghalang graduan Sarjana Muda Sains Bioteknologi, Mohd Uzair Jaafar, 22, mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.40 pada majlis konvokesyen semalam.

Beliau yang dilahirkan tanpa kedua kaki menggunakan kerusi roda dan kadang kala terpaksa menggunakan lutut mendaki tangga untuk ke kuliah.

“Kecacatan fizikal tidak pernah menghalang saya untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana selepas ini seterusnya menjadi pendidik satu hari nanti,” katanya.

Sementara itu, Saufinas Ismail, 23, anak yatim yang kehilangan ibu bapa dalam kemalangan jalan raya enam tahun lalu berkata ijazah Sarjana Muda Pertanian (Akuakultur) itu adalah hadiah isti-

mewa untuk arwah ayahnya yang kebetulan hari lahirnya semalam.

Saufinas berkata dia rindu dan tersentuh apabila melihat graduan lain yang ditemani ibu bapa dan bergambar kenangan bersama.

“Walaupun ibu dan ayah tidak sempat melihat kejayaan saya hari ini, saya tekad menyimpan hasrat memenuhi permintaan arwah ibu yang mahu saya menjadi doktor satu hari nanti,” katanya.

## Dorongan kokurikulum

Penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Universiti Teknologi Malaysia, Wan Ahmad Hazman Wan Daud, 23 berkata kejayaan itu diharap mengubah persepsi masyarakat dan mahasiswa, yang menyifatkan pembabitan dalam bidang kokurikulum ketika belajar, menjadi penyebab tidak boleh cemerlang.

“Matlamat saya untuk mendapatkan sekurang-kurangnya satu anugerah sejak menjejakkan kaki ke universiti ini juga akhirnya tercapai dengan jayanya,” kata graduan Sarjana Muda Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) dengan meraih Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.92.

Beliau yang juga anak sulung daripada enam beradik itu turut aktif dalam ko-kurikulum sepanjang pengajian di UTM dengan memegang jawatan sebagai Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTM dan Malaysia serta Jurucakap Perundingan Pelajar Kebangsaan.

Anak kepada pasangan kontraktor dan suri rumah dari Gombak, Selangor, Wan Daud Wan Ismail, 44, dan Qhuraishyah Najab Khan, 46, itu menyifatkan kesibukannya memegang jawatan tertinggi dalam MPP dan bergiat aktif dalam aktiviti ko-kurikulum selama ini, bukanlah alasan baginya untuk mengabaikan pelajarannya.

“Ketika mula-mula masuk UTM, saya meletakkan sasaran untuk menghabiskan pengajian dengan keputusan cemerlang dan meraih satu anugerah.

“Bagi mencapai misi itu, saya belajar bersungguh-sungguh dengan memberi tumpuan sepenuhnya dalam kelas dan masa sama bergiat aktif dalam kokurikulum termasuk menyertai Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) UTM,” katanya.



Saufinas berkongsi gembira bersama kakak iparnya Firuz Ashrani Hapiz.